

PROGRAM MEREKAYASA DIRI

Cawangan Pengurusan Korporat melalui AKRAB JKR serta dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Psikologi KKR telah mengendalikan Program Merekayasa Diri yang bertujuan untuk membantu dalam mempertingkatkan motivasi serta membangunkan potensi diri kakitangan di JKR. Program tahunan yang telah masuk tahun kedua penganjuran telah diisikan dengan pelbagai slot seperti Graf Kehidupan, Ujian Personaliti Sidek Analisis SWOT dan lain-lain yang dijalankan secara kaunseling berkelompok. Melalui program ini, ahli-ahli AKRAB telah dipadankan dengan RAKAN yang dipilih daripada kakitangan dari JKR seluruh negara.

2013

Penganjuran kali pertama telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Bagang Lalang bermula 21-23 Mei 2013.



2014

Penganjuran kali kedua telah diadakan di Puteri Resort, Melaka bermula 23-25 Jun 2014.



MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT AMALAN TERBAIK AKRAB (ATA) DI KONVENSYEN AKRAB KEBANGSAAN KALI KE-5



Majlis Penyampaian Pingat Amalan Terbaik AKRAB (ATA) Kebangsaan telah diadakan semasa Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali ke-5 pada 19 Jun 2014 (Khamis) bertempat di Hotel De Palma Shah Alam, Selangor. AKRAB JKR Malaysia telah dianugerahkan Pingat Gangsa Amalan Terbaik AKRAB menerusi 'Program Merekayasa Diri Tahun 2013'. Pingat telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi).

MESYUARAT AGUNG AKRAB JKR 2014

Mesyuarat Agung AKRAB JKR 2014 telah diadakan pada 1 April 2014 bertempat di Bilik Melati, Tingkat 6 Blok B Kementerian Kerja Raya. Mesyuarat dipengerusikan oleh Sr. Nik Zainal Alam Bin Hasan, Pengerusi AKRAB JKR 2012/2013. Ahli jawatankuasa AKRAB JKR bagi tahun 2014/2015 telah dipilih pada mesyuarat ini.



HARI PSIKOLOGI KKR 2013

Buat pertama kalinya, Hari Psikologi KKR 2013 telah diadakan pada 22 Oktober 2013 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfudz Khalid. AKRAB JKR dan Cawangan Pengurusan Korporat telah bekerjasama dengan Unit Psikologi dan Kaunseling KKR untuk menjayakan program tersebut. Program ini adalah lanjutan daripada Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober setiap tahun. Moto program pada hari tersebut adalah 'Kesihatan Minda untuk Kesejahteraan menyeluruh'.



MESYUARAT TAHUNAN AKRAB JKR 2013

Mesyuarat tahunan AKRAB JKR telah diadakan pada 3 Julai 2013 bertempat di Tower Regency Hotel, Ipoh, Perak.



KURSUS PEMANTAPAN AKRAB JKR 2013

Kursus Pemantapan AKRAB JKR 2013 telah diadakan pada 4-5 Julai 2013 bertempat di Tower Regency Hotel, Ipoh Perak. Pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik telah dijalankan sepanjang 2 hari program ini seperti sesi ceramah pemantapan, latihan dalam kumpulan iaitu Gotong-royong kenduri kahwin serta acara meraikan ahli-ahli AKRAB JKR yang akan bersara.



PROGRAM 'OUTREACH' BERSAMA KKR

Program yang bertajuk Pembangunan Diri Dan Organisasi telah diadakan pada 11 April 2013 bermula 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfudz Khalid, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Sebuah booth di luar dewan telah dibuka untuk membolehkan pegawai-pegawai yang hadir untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang aktiviti AKRAB. Aktiviti-aktiviti termasuklah Kenalpasti Kekuatan dan Kelemahan Diri serta Membina Komunikasi Berkesan. Unit Psikologi dan Kaunseling KKR bersama-sama AKRAB KKR dan Jawatankuasa AKRAB JKR telah hadir bertugas di booth mengikut giliran yang telah ditetapkan.

KHABAR DARI CAWANGAN.....



Bengkel Motivasi Siri1/2014: Pengurusan Emosi 'Rumahtangga vs Kerjaya'
Cawangan Arkitek 21 Mac 2014



Hari AKRAB Cawangan Arkitek 2013 ,5 Disember 2013 Tingkat 11 Menara TIMA.



Program Outreach AKRAB 2014 JKR Pahang Dewan Bakawali, KOMTUR 8 Mei 2014

LANGKAH TERBAIK HILANGKAN STRES 10 HINGGA 2 MINIT!


- 10 MINIT**
Nikmati suasana di dalam atau luar pejabat dengan berjalan kaki.
- 2 MINIT**
Berenti melakukan tugas, duduk legak dan tarik nafas sedalam mungkin antara tiga hingga enam kali.
- 5 MINIT**
Ketawa. Luangkan masa selama lima minit dengan membaca atau menonton video yang mampu membuatkan anda ketawa.

BERCAKAP SECARA POSITIF

TUKARKAN UCAPAN NEGATIF KEPADA POSITIF

USAH SEKALI – KALI KATA	KATAKAN !!!
TAK BOLEHLAH TENGOKLAH DULU DAH TERPAKSALAH SEKEJAP LAGILAH ... SUSAHLAH TAK YAKINLAH TAK APALAH SEGANLAH BENCI BENCI DAH NASIB	AKU BOLEH !!! AKU PASTI CUBA !!! INI SATU CABARAN !!! SEKARANG JUGA !!! CUBA LAGI !!! PASTI BERJAYA !!! JANGAN TANGGUH !!! BUKTIKAN !!! SAYANG !!! AKU PASTI BERJAYA !!!

AHLI JAWATANKUASA AKRAB 2014/2015



Hubungi Kami:



03-2610 7024



spap@jkr.gov.my



www.facebook.com/ Akrab Jkr



Isu 1: 2014 / Jun 2014



Terbitan :
Biro Publisiti AKRAB JKR Malaysia
JKR 20700-0218-14